

## HARI MINGGU BIASA KE-27 (B)

### Tema: PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN

- Kejadian 2:18-24;
- Mazmur 127 (128). R/ v. 5;
- Ibrani 2:9-11
- Markus 10:2-12 (Versi Singkat)

1. Hari ini adalah hari Minggu Biasa ke-27, Tahun Liturgi B. Bacaan hari ini memberitahu kita bahawa ia adalah menyalahi undang-undang untuk menceraikan seorang suami atau isteri. Dan undang-undang ini datang dari Allah. Gereja tidak boleh mengubah undang-undang ini, Sri Paus tidak boleh mengubah undang-undang ini, dan Yesus sendiri pun tidak boleh mengubah undang-undang ini. Ia adalah undang-undang dari Allah Bapa-Nya! Oleh itu, dalam Injil hari ini Yesus memetik petikan dari Kejadian, iaitu, bacaan pertama:

*"Sebab itu laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya itu menjadi satu daging. Demikianlah mereka bukan lagi dua, melainkan satu. Karena itu, apa yang telah dipersatukan Allah, tidak boleh diceraikan manusia."* (Markus 10:7-9)

Untuk memahami undang-undang terhadap perceraian kita mesti memahami perkahwinan! Orang berkahwin kerana dua sebab, iaitu, untuk cinta kasih dan untuk memperanakan(procreate). Kita dicipta dalam gambaran Allah dan kita perlu melakukan apa yang Allah lakukan dan kita akan bersukacita seperti Allah bersukacita di syurga! Allah melakukan dua perkara, iaitu, Dia mengasihi dan Dia menciptakan, terutama manusia.

Kita harus mengasihi seperti Allah mengasihi kita. Kita melihat kasih Allah dalam Yesus Kristus di atas salib; kasih yang diberi sendiri, kasih pengorbanan sendiri; kasih yang mengampuni, kasih yang berbelas kasihan, kasih yang menyelamatkan! Suami dan isteri harus mengasihi antara satu sama lain seperti Yesus Kristus mengasihi mereka, iaitu, mereka harus mengasihi antara satu sama lain, bukan sahaja kasih yang romantis, erotik dan seksual; tetapi dengan kasih yang diberi sendiri, yang sendirinya mengorbankan dan kasih yang mengampuni! Dengan cinta kasih Yesus Kristus tidak akan ada perceraian! Malahan cinta kasih itu akan menjadi lebih kuat dan mendalam dengan setiap tahun yang berlalu!

Kita harus memperanakan(procreate) seperti mana Allah mencipta kita, iaitu, kita harus mempunyai anak-anak! Perkahwinan tanpa keinginan mempunyai anak-anak adalah bukan perkahwinan Kristian. Ia tidak terbuka kepada kehidupan. Ia bukannya perkahwinan yang sempurna, iaitu, perkahwinan itu tidak wujud! Dan perkahwinan seperti ini boleh di batal oleh Gereja! Hari ini dengan kedua-dua ibu bapa bekerja, ia menjadi satu pengorbanan yang sebenar untuk mempunyai anak. Tetapi cinta kasih Kristian adalah kasih yang mengorbankan dan hanya kasih inilah yang boleh membawa kita kepada kebahagiaan yang sebenar!

Hari ini, sedihnya, ramai yang tidak mahu mempunyai anak. Pada tahun 2010 Presiden Persidangan Uskup-uskup Itali, Kardinal Angelo Bagnasco, memberi amaran kepada orang Itali akan "pembunuhan diri demografi", iaitu, lebih 50% keluarga Itali tanpa mempunyai anak. Sesuku lagi mempunyai hanya seorang anak, manakala hanya 5.1% mempunyai tiga atau lebih anak. (CWN, Mei 28, 2010)

Perdana menteri pengasas Singapura, Lee Kuan Yew, mengeluh akan kadar kelahiran yang rendah rakyat Singapura, iaitu, 1.2 kelahiran hidup setiap satu wanita - jauh di bawah 2.1 yang diperlukan untuk penggantian. Pada masa ini, 31 peratus wanita Singapura dan 41 peratus lelaki memilih untuk tidak mempunyai anak. "Kami harus cuba memujuk orang ramai untuk memahami bahawa berkahwin adalah penting, dan mempunyai anak-anak adalah penting," kata Lee, pada suatu ketika adalah penganjur setia pengawalan penduduk! (CWN, 14 Ogos 2012,)

Sekali lagi, kita perlu untuk mempunyai anak-anak, iaitu tiga atau lebih anak dalam setiap keluarga!

Sekarang kita memahami undang-undang terhadap perceraian dan yang lebih penting kita memahami perkahwinan! Bacaan pertama telah dipetik oleh Yesus dalam Injil hari ini:

*“Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging.”* (Kej 2:24; SM), iaitu, satu tubuh dalam cinta kasih dan memperanakan (pro creation)!

2. Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa jika kita mengikuti undang-undang Allah, terutamanya perintah perkahwinan dan perceraian, Allah akan memberkati kita dengan keluarga yang bahagia! (NJB; HCSB; CCB) Allah akan memberkati kita dengan ramai anak dan ramai cucu! Allah akan memberkati kita dengan banyak makanan untuk makan sehingga kita puas. Allah akan memberkati kita dengan kemakmuran. Allah akan memberkati kita dengan kebahagiaan dan damai. Tuhan akan memberkati kita dengan umur panjang! Oleh itu sahutannya:

*“Semoga Tuhan memberkati kita seumur hidup.”* (Mzm 127 (128): 5; SM)

3. Pembacaan kedua memberitahu kita bahawa Yesus Anak Allah menjadi manusia dan menjadi saudara kita untuk menderita, mati dan bangkit daripada mati untuk penyelamatan kita! Dan inilah apa yang kita merayakan dalam Ekaristi setiap hari Minggu!

Adalah paling terdesak dan yang paling penting bahawa kita datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu untuk menerima Roh Kudus Tuhan kita yang Bangkit supaya kita boleh mengasihi seperti Allah mengasihi dan kita dapat memperanakan seperti Allah mencipta dan supaya kita bersukacita seperti Allah bersukacita disurga!

Satu kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa satu pertiga atau lebih banyak perkahwinan berakhir dengan perceraian, tetapi hanya "satu daripada 57 perkahwinan berakhir dengan perceraian antara suami dan isteri yang beribadat di gereja secara konsisten. Yang lebih menakutkan lagi mendapati bahawa hanya satu perkahwinan dalam 500 berakhir dengan pasangan bercerai di mana anjuran membaca Kitab dan berdoa." (Renungan Fr. James Gilhooley pada Injil hari Minggu)

Oleh itu, jika kamu mahu perkahwinan yang bahagia dan keluarga yang bahagia, datanglah ke Misa Kudus setiap hari Minggu dan jika boleh datang ke pertemuan KED, pertemuan Doa, Kursus-kursus Alfa, komuniti Neo-Catechumenal, Perkongsian Alkitab, dll.! Sukacita dan gembira hari Minggu kepada kamu semua!

Amen!

### **Cadangan soalan untuk renungan individu dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil dan dalam komuniti kecil:**

1. Mengapa Gereja Katolik tidak membenarkan perceraian? Apakah erti perkahwinan?
2. Adakah kamu mengasihi seperti Allah mengasihi? Adakah kamu memperanakan (procreate) kehidupan? Berapa ramai anak-anak harus ada dalam satu keluarga?
3. Bolehkah kamu mengasihi tanpa bantuan Roh Kudus? Adakah kamu datang ke Misa Kudus pada setiap hari Minggu? Adakah kamu datang untuk komuniti KED (Komuniti Eklestial Dasar), Pertemuan Doa, Perkongsian Alkitab, kursus-kursus Alfa, perayaan Neo-Catechumenal, dan lain-lain?
4. Tahukah kamu bahawa ianya adalah dosa untuk mengamalkan pencegahan kehamilan tiruan, seperti kontrasepsi dan penguguran?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,  
5<sup>th</sup> Oktober 2012.**

**Laman Web (Homili yang ditaip dan homili dalam audio sila layari): <http://frnick.net>**

**Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Catholic World News (CWN, Internet);**

**HarperCollins Study Bible (HCSB); Christian Community Bible (CCB); Sunday Missal (SM).**